

Hari terbuka asasi sains UMS Rabu ini

4B 28.02.2012 B7

KOTA KINABALU: Orang ramai dipelawa untuk menghadiri Hari Terbuka Asasi Sains anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 29 Februari ini.

Hari Terbuka itu yang dikendalikan oleh Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) akan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Bangunan Sekolah Sains dan Teknologi UMS.

Ia antara lain bertujuan untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang pengajian Program Asasi Sains yang ditawarkan oleh UMS khususnya kepada warga Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2011 serta kepada pelajar-pelajar aliran sains yang bakal menghadapi peperiksaan berkenaan pada tahun ini.

Di samping itu, ia juga sebagai medan saluran maklumat yang mutakhir kepada guru kaunselor, warga pendidik, ibu bapa dan masyarakat setempat mengenai program asasi di universiti itu.

Turut diadakan sesi soal jawab antara pengunjung dengan pihak UMS berhubung kemusyikilan mengenai program asasi berkenaan.